

Syarikat kita cari peluang di Jakarta

LEBIH 60 peneraju korporat Malaysia termasuk yang mewakili syarikat berkaitan kerajaan (GLC) mengadakan lawatan dua hari ke Jakarta bagi meninjau peluang pelaburan di Indonesia, bermula hari ini.

Rombongan anjuran Kelab Perniagaan Kuala Lumpur (KILBC) itu bertujuan mengukuhkan hubungan dengan firma swasta di Indonesia termasuk dengan kerajaan negara berkenaan.

Diketuai Presiden KILBC, Datuk Mohd Munir Majid, rombongan itu turut disertai wakil Tenaga Nasional Bhd (TNB), Penerbangan Malaysia (MAS), Telekom Malaysia Bhd (TM), CIMB Bhd, Symphony House Bhd

dan Genting Group.

Pelbagai acara diatur KILBC dengan kerjasama Dewan Perniagaan dan Perindustrian Indonesia (Kadin) serta Jawatankuasa Kadin-Malaysia (KIKM).

"Kita lihat penyertaan lebih aktif syarikat Malaysia memepok peluang di Indonesia seperti CIMB Bhd yang mengambil alih Bank Niaga dan TM membeli ekuiti Excelexportindo."

"Kami akan berusaha meninjau lebih banyak peluang dapat memajukan syarikat di Malaysia. Mengetahui beberapa mesyuarat serta sesi perjumpaan dengan peneraju perniagaan di Indonesia dan pegawai kerajaan," kata Munir dalam satu

kenyataan di Jakarta, semalam.

Antara acara diatur sepanjang lawatan itu ialah sesi dialog yang dipengerusikan Pengerusi KIKM, Hailin Kalla, lawatan ke pejabat Naib Presiden Indonesia, Muhammad Jusuf Kalla dan lawatan ke Bursa Saham Jakarta yang mana ketua Eksekutifnya, Erry Firmansyah, akan memberi penerangan mengenai perngurusan portfolio bursa itu.

Rombongan itu akan dirai pada majlis makan anjuran Kadin dan KILBC pada malam kedua, yang akan turut disertai Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Effendi Norwawi dan Menteri Koordinasi Ekonomi Indonesia, Dr Boediono.

Munir berkata, majlis makan malam itu akan diikuti sesi dialog.

Nilai dagangan antara Malaysia dengan Indonesia dalam tempoh Januari hingga Mei 2006 berjumlah lebih RM13 bilion, dengan eksport berjumlah RM5.3 bilion.

Daripada jumlah itu, eksport minyak petroleum adalah komponen utama berjumlah RM2.34 bilion, diikuti transistor (RM1708.5 juta) dan hidrokarbon (RM562.2 juta).

Pelaburan Malaysia di Indonesia tahun lalu berjumlah RM2.21 bilion, manakala pelaburan Indonesia di Malaysia pula RM52.5 juta.

Daripada Zahab Mohd Valim

Indonesia tawar peluang pelaburan

Syarikat Malaysia dipelawa sertai sektor ladang, kilang

Daripada Zainab Md Yatim

INDONESIA menawarkan peluang meluas kepada syarikat Malaysia untuk melabur di republik itu, terutama dalam sektor pekilangan, peladangan sawit, hasil laut dan galian.

Naib Presiden Indonesia, Muhammad Jusuf Kalla, berkata iklim pelaburan di republik itu ketika ini adalah begitu menggalakkan berbanding sebelum ini.

"Indonesia kini mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang cukup baik walaupun kerajaan berdepan banyak kontroversi.

"Secara umumnya, dalam tempoh dua atau tiga tahun lalu ada banyak perubahan yang berlaku dan keadaan sudah berubah menjadi lebih baik," katanya.

Beliau berkata demikian kepada rombongan Kelab Perniagaan Kuala Lumpur (KLBC) yang disertai 60 peneraju korporat Malaysia yang membuat kunjungan hormat di pejabat-

nya di Jakarta, semalam.

Rombongan yang dalam rangka lawatan perniagaan dua hari ke republik itu diketuai Pengerusi KLBC, Datuk Dr Mohd Munir Abdul Majid.

Jusuf menegaskan, pendekatan terbuka yang diamalkan kerajaan In-

donesia kini, antara lain sudah mengurangkan prosedur birokrasi kepada hanya 400 berbanding 1,200 sebelum ini.

"Kami kini lebih terbuka dan mahu membawa lebih ramai pelabur asing untuk bersama-sama memba-

ngunkan negara ini," katanya.

Beliau juga memberi jaminan kerajaan akan mempercepatkan pembangunan industri peladangan yang dikenal pasti menjadi industri alternatif kepada industri minyak dan gas.

Beliau mengakui perkembangan dalam industri itu agak perlahan dalam beberapa tahun lalu disebabkan konflik yang timbul sama ada untuk membangunkan tanah yang dikenal pasti atau memulihara hutan, tetapi ia akan cuba ditangani secara beransur.

Sementara itu, Pengerusi KLBC, Datuk Dr Mohd Munir Majid, berkata, KLBC berharap lawatan itu dapat membantu menjalin hubungan erat antara kedua negara, bukan saja dalam bidang politik tetapi juga dalam ekonomi dan perniagaan.

"Dalam rancangan lima tahunnya, Indonesia mensasarkan pelaburan pembangunan negara sebanyak AS\$425 bilion dan daripada jumlah itu AS\$350 bilion dijangka diraih daripada pelabur asing," katanya.



“ Kami kini lebih terbuka dan mahu membawa lebih ramai pelabur asing untuk bersama-sama membangunkan negara ini”

Muhammad Jusuf Kalla
Naib Presiden Indonesia

PECD tunggu laksana projek hartanah

PECD Bhd, sudah mengemukakan cadangan kepada kerajaan Indonesia untuk melaksanakan projek pembangunan hartanah di republik itu.

Ketua Eksekutif, Rosman Abdullah, berkata ia membabitkan cadangan kerajaan Indonesia melaksanakan pembinaan rumah mampu milik dengan peruntukan AS\$2 bilion dalam tempoh lima tahun akan datang.

"Kami sudah mengemukakan cadangan, antara lain mengenai struktur rumah mampu milik yang sesuai dibangunkan mengikut keperluan penduduk Indonesia.

FAKTA NOMBOR

Pelaburan PECD di Indonesia

AS\$2b

Projek bina rumah di Indonesia

RM525j

Projek bina saluran gas oleh PECD

"Kami sedang menunggu keputusan pihak berkuasa republik itu mengenainya," katanya pada majlis makan malam anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Indonesia (Kadin) bagi meraikan rombongan Kelab Perniagaan Kuala Lumpur (KLBC), di Jakarta, kelmarin.

Rosman berkata, penyertaan PECD di Indonesia bukan baru kerana anak syarikatnya, PECD Construction Sdn Bhd terlibat projek pembinaan saluran gas pesisir pantai Muara Bekasi-Labuhan Marringai bernilai RM525 juta.

Projek itu, katanya diperolehi da-

ri pada PT Perusahaan Gas Negara (Persero) TBK, iaitu syarikat milik kerajaan Indonesia yang terlibat dalam penderangan gas asli kepada industri, komersial dan isi rumah.

Beliau menjelaskan, projek membabitkan pembinaan saluran paip sepanjang 165 kilometer itu dilaksanakan dengan rakan kongsi, Llpin LLC dan PT ReKayasa Industri.

Rosman berkata, PECD sentiasa meneroka peluang di Indonesia dan projek hartanah yang sedang diteroka syarikat itu akan membuka satu lagi lembaran baru bagi penyertaannya di republik itu.

Syarikat kita dapat keutamaan di JSX

SYARIKAT Malaysia, khususnya yang terlibat dalam industri pembinaan dan perdagangan, akan diberi keutamaan untuk disenaraikan di Bursa Saham Jakarta (JSX) tanpa mengambil kira prestasi kewangan, apabila peraturan mengenai penyenaraian berkembar dikuatkuasakan pihak berkuasa penyenaraian republik itu, tahun depan.

Presiden Direktor JSX, Erry Firmansyah, berkata penyenaraian itu tidak mengambil kira prestasi semasa, malah syarikat yang rugi juga akan diberi keistimewaan.

Beliau berkata, peraturan penyenaraian berkembar itu sedang disiapkan dan berharap akan dapat dilaksanakan tahun depan.

"Antara peraturan yang akan ditetapkan merusi peraturan itu, syarikat yang rugi juga boleh disenaraikan di JSX.

"Bagaimanapun, mereka perlu mencatat keuntungan sekurang-kurangnya dalam tempoh dua tahun menjadi syarikat senarai awam dan menawarkan dividen kepada pelabur. Ini adalah kriteria minimum yang akan dikenakan pihak kami," katanya.

Beliau ditemui selepas menerima kunjungan kira-kira 60 peneraju korporat dari Malaysia yang mengadakan lawatan ke JSX di Jakarta, minggu lalu.

Antara lain, peraturan penyenaraian berkembar itu membolehkan syarikat yang disenaraikan di Indo-

nesia untuk turut disenaraikan di Malaysia dan di begitu juga sebaliknya.

Erry berkata, beliau akan bertemu rakannya di Bursa Malaysia September ini untuk membuat perbincangan lanjut mengenai program berkenaan.

Perbincangan akan turut menyentuh mengenai sistem telekomunikasi dan teknologi maklumat (IT) bagi membolehkan penyenaraian syarikat di kedua-dua bursa saham berkenaan, selain berkongsi infrastruktur, katanya.

Beliau berkata, perbincangan mengenai penyenaraian berkembar itu bermula sejak dua tahun lalu, dan kini kedua-dua agensi (Bursa Malaysia dan JSX) masih meneroka ker-

jasama berkenaan, khususnya membabitkan perkongsian kemudahan IT.

Apabila dilaksanakan kelak, Erry berkata syarikat Malaysia akan menjadi peserta pertama disenaraikan di JSX, memandangkan agensi itu juga sedang berbincang mengenai potensi itu dengan negara lain.

Malaysia memperkenalkan penyenaraian berkembar Mac lalu, bagi mendorong hubungan rentas sempadan dengan pasaran modal lain.

Inisiatif itu turut mensasarkan untuk meningkatkan kecairan dan menambah bilangan syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia.

Oleh Zahab Mohd Yatim

Anak syarikat TM bida lesen IDD di Indonesia

TELEKOM Malaysia Bhd (TM), yang mengendalikan rangkaian telekomunikasi mudah alih di Indonesia menerusi anak syarikatnya PT Excelcomindo Pratama Tbk (XL), sedang membidai lesen perkhidmatan panggilan terus antarabangsa (IDD).

Pengerusinya, Tan Sri Ir Mdz Radzi Mansor, yang juga Presiden Komisyoner XL, berkata lesen itu dipertujukan bagi menampung pertumbuhan jumlah pelanggan di negara berkenaan.

Katanya, syarikat menawarkan perkhidmatan IDD menerusi gerbang laluan dua syarikat telekomunikasi sedia ada di Indonesia iaitu PT Indosat Tbk (Indosat) dan PT Telekomunikasi Indonesia Tbk (Telkom).

Beliau berkata, XL wajar diper-

timbangken lesen itu memandangkan syarikat itu memberi komitmen yang penuh dalam memajukan industri telekomunikasi di negara berkenaan.

"Syarikat memberi sepenuh kepercayaan terhadap dasar kerajaan Indonesia dan menambah pelaburan untuk mengembangkan liputan dan jumlah pelanggan kini melebihi lapan juta orang," katanya.

Beliau ditemui pada lawatan bersama Kelab Perniagaan Kuala Lumpur (KLBC), di Jakarta, hari-hari ini. Rombongan disertai kira-kira 60 peneraju korporat yang juga ahli KLBC itu, turut dihadiri Ketua Eksekutif TM, Datuk Abdul Wahid Omar.

Kerajaan Indonesia sedang mengkaji rancangan membenarkan sebuah lagi syarikat telekomunikasi untuk



“Memandangkan begitu ramai pelanggan, XL wajar diberi gerbang laluan sendiri selari dengan dasar liberalisasi yang dilaksanakan kerajaan Indonesia”

Ir Mdz Radzi Mansor
Pengerusi PT Excelcomindo Pratama Tbk (XL)

menyediakan perkhidmatan panggilan terus antarabangsa bagi bersaing dengan Indosat dan Telkom.

Mdz Radzi berkata, TM akan menghubungkan rangkaian mudah alih XL terus ke Malaysia dengan rangkaian mengedarkan kabel gentian dasar laut antara Batam di Indonesia dengan Johor tidak lama lagi.

Kemudahan itu, katanya, akan memberi peluang bukan saja bagi sambungan talian antara Malaysia dan Indonesia, tetapi juga ke negara lain.

"Yang kami perlukan sekarang adalah satu lesen menjalankan gerbang laluan antarabangsa tersendiri," katanya.

TM menguasai kira-kira 59.6 peratus ekuiti dalam XL, iaitu syarikat pengendali telefon mudah alih ketiga besar di Indonesia.